

BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD (62605-U)
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Para Pengarah dan Penyata Kewangan Beraudit
30 April 2006

**BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Laporan Pengarah	1 - 8
Penyata Pengarah	9
Pengisytiharan Berkanun	9
Laporan Juruaudit	10
Kunci Kira-kira	11
Penyata Perubahan Ekuiti	12
Penyata Pendapatan	13
Akaun Hasil Insurans Am	14
Penyata Aliran Tunai	15
Nota Kepada Penyata Kewangan	16 - 43

BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2006.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ialah perniagaan menaja jamin insurans am.

Tidak ada sebarang perubahan penting didalam bentuk aktiviti utama disepanjang tahun kewangan

KEPUTUSAN

RM

Untung bersih bagi tahun kewangan 26,149,427

Tidak ada sebarang pindahan material kepada ataupun daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang didedahkan di dalam penyata perubahan ekuiti.

Pada pendapat para pengarah, keputusan pengendalian Syarikat di sepanjang tahun kewangan semasa tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luarbiasa.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat sejak 30 April 2005 adalah seperti berikut:-

RM

Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 30 April 2005:

Dividen interim 12% tolak 28% pencukaian ke atas 118,0000,000 syer biasa ,
 diisytiharkan pada 1 Julai 2005 dan dibayar pada 8 Julai 2006 10,195,200

Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 30 April 2006:

Dividen interim 16.5% tolak 28% pencukaian keatas 118,0000,000 syer biasa ,
 diisytiharkan pada 11 Oktober 2005 dan dibayar pada 20 Oktober 2005 14,018,400

 24,213,600

PENGARAH

Nama para pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak dari tarikh laporan akhir serta pada tarikh laporan ini adalah :

Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong	
Dato' Abdul Rahman bin Hamidon	
Khaw Ooi Tong	
Loh Lye Ngok	
Dato' Haji Ahmad Bin Sidek	(dilantik pada 1 Ogos 2005)
Datuk Maizan Bin Shaari	(dilantik pada 8 November 2005)
Datuk Bhupatrai a/l Mansukhlal Premji	(dilantik pada 18 Januari 2006)
Dato' Robin Tan Yeong Ching	(dilantik pada 26 Jun 2006)
Tan Sri Dato' Tan Chee Sing	(meletak jawatan pada 10 Oktober 2005)

URUS TAKBIR KORPORAT

Syarikat telah mematuhi kesemua keperluan preskriptif dan mengguna pakai amalan pengurusan yang tekal dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah Garis Panduan JPI/GPI 25: Rangka Kerja Berhemat Urus Tadbir Korporat bagi Penanggung Insurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Standard Urus Tadbir Korporat

Keanggotaan, peranan dan syarat-syarat rujukan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurus Risiko, Jawatankuasa Pencalonan serta Jawatankuasa Ganjaran bagi Lembaga adalah seperti berikut :

(1) Jawatankuasa Audit

Komposisi Jawatankuasa Audit ("AC") adalah seperti berikut:

- (i) Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong (Pengerusi)
- (ii) Dato' Abdul Rahman bin Hamidon
- (iii) Dato' Haji Ahmad Bin Sidek (dilantik pada 3 Ogos 2005)
- (iv) Datuk Maizan Bin Shaari (dilantik pada 18 Januari 2006)
- (v) Datuk Bhupatrai a/l Mansukhlal Premji (dilantik pada 18 Januari 2006)
- (vi) Khaw Ooi Tong (meletak jawatan pada 20 September 2005)

Bidang kuasa Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas-tugas bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang menyeluruh bagi mengawal asset Syarikat. Mereka juga bertanggungjawab untuk meneliti laporan penyata kewangan dan laporan audit dalaman yang dikendalikan mengikut peraturan dan kehendak undang-undang.

AC bermesyuarat sebanyak tujuh kali sepanjang tahun kewangan ini.

URUS TAKBIR KORPORAT (SAMB.)

(2) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Komposisi Jawatankuasa Pengurusan Risiko (“RMC”) adalah seperti berikut:

- (i) Dato’ Abdul Rahman bin Hamidon (Pengerusi)
- (ii) Tan Sri Dato’ Thong Yaw Hong
- (iii) Khaw Ooi Tong
- (iv) Dato’ Haji Ahmad bin Sidek (dilantik pada 22 Disember 2005)
- (v) Datuk Maizan bin Shaari (dilantik pada 18 Januari 2006)

Tanggungjawab RMC merangkumi mengkaji semula, menilai dan mencadangkan strategi pengurusan risiko serta toleransi risiko, perihal kecukupan polisi tersebut dan rangka kerja bagi mengenal pasti, mengukur, memantau serta mengawal risiko dan juga sejauh mana ia beroperasi dengan berkesan menerusi infrastruktur, sumber serta sistem yang mencukupi.

RMC bermesyuarat sebanyak empat kali di sepanjang tahun kewangan ini.

(3) Jawatankuasa Pencalonan

Komposisi Jawatankuasa Pencalonan (“NC”) adalah seperti berikut:

- (i) Dato’ Abdul Rahman bin Hamidon (Pengerusi)
- (ii) Tan Sri Dato’ Thong Yaw Hong
- (iii) Khaw Ooi Tong
- (iv) Loh Lye Ngok
- (v) Datuk Maizan bin Shaari (dilantik pada 8 November 2005)
- (vi) Tan Sri Dato’ Tan Chee Sing (meletak jawatan pada 10 Oktober 2005)

NC bertanggungjawab menetapkan keperluan minimum bagi Lembaga Pengarah serta Ketua Pegawai Eksekutif agar dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Setiap tahun ia turut mengkaji semula struktur, saiz dan komposisi serta gabungan kemahiran dan kebolehan utama yang diperlukan agar Lembaga Pengarah dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan. Ia juga akan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada setiap tahun.

NC turut diberi kuasa untuk menimbang dan menilai pelantikan pengarah-pengarah baru serta pengarah yang akan mengisi kerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah Syarikat dan mencadangkan calon-calon kepada Lembaga Pengarah serta BNM untuk pelantikan dan pelantikan semula atau pemilihan semula. Selain itu, jawatankuasa ini juga turut diberi kepercayaan menjalankan kedua-dua tanggungjawab untuk melantik dan menilai Ketua Pegawai Eksekutif serta pegawai kanan penting Syarikat.

NC juga berperanan memastikan bahawa kesemua Pengarah menjalani program induksi yang bersesuaian dan menerima latihan yang berterusan. Malah, NC juga turut mengawasi perancangan penggantian pengurusan Syarikat.

NC telah bermesyuarat sebanyak empat kali di sepanjang tahun kewangan ini.

URUS TAKBIR KORPORAT (SAMB.)

(4) Jawatankuasa Ganjaran

Komposisi Jawatankuasa Ganjaran (“RC”) adalah seperti berikut:

Dato’ Abdul Rahman bin Hamidon (Pengerusi)
Tan Sri Dato’ Thong Yaw Hong
Khaw Ooi Tong

RC bertanggungjawab mencadangkan suatu rangka kerja ganjaran untuk para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting Syarikat. Selain itu, ia turut bertanggungjawab mengesyorkan pakej ganjaran yang khusus buat para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting Syarikat.

RC telah bermesyuarat sebanyak dua kali di sepanjang tahun kewangan ini.

FAEDAH PENGARAH

Baik pada hujung tahun kewangan, maupun pada bila-bila masa di sepanjang tahun, tidak wujud sebarang perancangan yang melibatkan Syarikat, di mana para pengarah mungkin mendapat faedah melalui pemerolehan syer atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain, selain daripada opsyen ke atas syer belum terbit syarikat pemegang dan syarikat berkaitan lain yang diberikan kepada pengarah-pengarah tertentu seperti yang didedahkan di bahagian kepentingan para pengarah.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima faedah (selain daripada faedah yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau belum bayar dan belum diterima oleh para pengarah, seperti yang tertera dalam Nota 18 kepada penyata kewangan dan penyata kewangan syarikat berkaitan ataupun gaji tetap pekerja sepenuh masa Syarikat) disebabkan oleh kontrak yang telah dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan mana-mana pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah rakan kongsi atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar, kecuali seperti yang didedahkan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan.

KEPENTINGAN PENGARAH

Menurut daftar pemegang saham pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam syer, Saham Pinjaman Tak bercagar Boleh Tukar Tak Boleh Tebus (“ICULS”), waran dan opsyen ke atas syer di dalam syarikat pemegang muktamad, syarikat pemegang dan syarikat berkaitan yang lain di sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:-

KEPENTINGAN PENGARAH (SAMB.)**Syarikat Pemegangan Muktamad
Berjaya Corporation Berhad (“BCorp”)**

	Bilangan Syer Biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
	Pada 1.5.2005	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2006
Khaw Ooi Tong	-	20,800 #	-	20,800
Loh Lye Ngok	-	2,000 #	-	2,000

	Bilangan 0% ICULS 2005/2015 pada RM0.50 nilai nominal setiap satu			
	Pada 1.5.2005	Dibeli	Ditukar	Pada 30.4.2006
Tan Sri Dato’ Thong Yaw Hong	-	313,588 (a)	-	313,588
	-	*598,810 (a)	-	598,810
Khaw Ooi Tong	-	137,382 (a)	-	137,382

**Syarikat Pemegangan
Berjaya Group Berhad (“BGB”)**

	Bilangan Syer Biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
	Pada 1.5.2005	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2006
Loh Lye Ngok	10,000	-	10,000#	-

	Bilangan 5% ICULS 1999/2009 pada RM0.50 nilai nominal setiap satu			
	Pada 1.5.2005	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2006
Tan Sri Dato’ Thong Yaw Hong	332,500	-	332,500 #	-
Loh Lye Ngok	1,000	-	1,000	-
Khaw Ooi Tong	29,000	-	29,000 #	-

	Bilangan Waran			
	Pada 1.5.2005	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2006
Loh Lye Ngok	1,000	-	1,000	-
Khaw Ooi Tong	416,000	-	416,000#	-

KEPENTINGAN PENGARAH (SAMB.)**Syarikat Pemegangan (Samb.):
-Berjaya Capital Berhad (“BCap”)**

	Bilangan Syer Biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
	Pada 1.5.2005	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2006
Loh Lye Ngok	1,000	-	1,000	-
Khaw Ooi Tong	11,833	16,566 (d)	25,560 (e)	2,839

**Syarikat Berkaitan yang lain
Berjaya Land Berhad (“BLB”)**

	Bilangan Syer Biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
	Pada 1.5.2005	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2006
Tan Sri Dato’ Thong Yaw Hong	17,500	28,000(b)	28,000(c)	17,500
	*114,000	182,400(b)	182,400(c)	114,000
Loh Lye Ngok	2,000	-	2,000	-
Khaw Ooi Tong	10,000	16,000(b)	16,000(c)	10,000

	Bilangan 5% ICULS 1999/2009 pada RM1.00 nilai nominal setiap satu			
	Pada 1.5.2005	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2006
Tan Sri Dato’ Thong Yaw Hong	26,250	-	-	26,250
	*171,000	-	-	171,000
Loh Lye Ngok	1,000	-	1,000	-

* Kepentingan tak langsung

Petukaran sekuriti BGB untuk sekuriti baru Bcorp menurut skim pengaturan sukarela di bawah Seksyen 176, Akta Syarikat, 1965 (“Skim BGB”).

(a) Saham Pinjaman Tak Bercagar Boleh Tukar Tak Boleh Tebus BCorp diperuntukkan menurut Skim BGB dan rancangan korporat sampingan BCap dan BLB.

(b) Terbitan Bonus 1:1 dan Terbitan Bonus 3:2 BLB selepas pembayaran balik modal sebanyak RM0.80 setiap saham BLB.

(c) Bilangan saham BLB setara berkurangan menurut penyatuan saham RM0.20 selepas Pembayaran Balik Modal sebanyak RM0.80 setiap saham BLB.

KEPENTINGAN PENGARAH (SAMB.)

(d) Terbitan Bonus BCap 7:5

(e) Bilangan Saham BCap setara terkurang menurut penyatuan saham RM0.10 selepas Pembayaran Balik Modal sebanyak RM0.90 setiap saham BCap selepas Terbitan Bonus 7:5

Selain dari yang didedahkan di atas, tiada mana-mana pengarah yang berjawatan pada hujung tahun kewangan mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham Syarikat atau perbadanan berkaitan pada tahun kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum kunci kira-kira dan penyata pendapatan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar:
- (i) Bagi memastikan bahawa tindakan yang betul telah diambil berkaitan dengan menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan mereka berpuas hati bahawa tiada sebarang hutang lapuk yang diketahui dan bahawa peruntukan yang mencukupi telahpun dibuat untuk hutang ragu; dan
 - (ii) Bagi memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang tidak berkemungkinan direalisasi nilainya seperti yang tertera dalam rekod perakaunan melalui urusan biasa perniagaan telahpun diturun nilai ke suatu amaun yang mana ia dijangka dapat direalisasi; dan
 - (iii) Untuk memastikan bahawa terdapat peruntukan yang mencukupi bagi tuntutan tertanggung, termasuk tuntutan tertanggung tetapi tidak dilaporkan (“IBNR”).
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang:
- (i) Memerlukan apa-apa amaun dihapus kira sebagai hutang lapuk atau menjadikan peruntukan amaun bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi ke sebarang tahap yang ketara; dan
 - (ii) Menyebabkan nilai yang diberikan kepada aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan in dibuat, para pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian asset atau liabiliti Syarikat yang sedia ada sebagai mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (d) Pada tarikh laporan in dibuat, para pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan melainkan ia telahpun diuruskan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang boleh menyebabkan mana-mana amaun yang tercatat dalam penyata kewangan sebagai mengelirukan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMB.)

- (e) Pada tarikh laporan ini dibuat, tidak wujud:
- (i) Sebarang caj ke atas asset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
 - (ii) Sebarang liabiliti bersyarat bagi Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para pengarah :
- (i) Tiada liabiliti bersyarat atau liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau berkemungkinan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat dalam memenuhi obligasinya apabila dan pada masa ia perlu dijelaskan; dan
 - (ii) Tiada perkara, urusan niaga ataupun peristiwa yang bersifat penting dan luar biasa yang telah timbul di antara akhir tahun kewangan dan pada tarikh laporan ini dibuat yang berkemungkinan memberi kesan ketara kepada keputusan pengendalian Syarikat bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dihasilkan.

Bagi maksud perenggan (e) dan (f) di atas, luar jangka atau liabiliti lain termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak insurans yang ditaja jamin dalam urusan biasa perniagaan Syarikat.

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus memegang jawatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi pengarah.

Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong

Loh Lye Ngok

Kuala Lumpur, Malaysia

26 Julai 2006

**BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENGARAH
SELARAS DENGAN SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong dan Loh Lye Ngok, yang merupakan dua daripada pengarah Berjaya General Insurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 11 hingga 43 telah dirangka melalui pemakaian MASB Standard Perakaunan Yang Diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Syarikat pada 30 April 2005 serta keputusan aliran tunai Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi pengarah.

Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong

Loh Lye Ngok

Kuala Lumpur, Malaysia
26 Julai 2006

**PENGISYTIHARAN BERKANUN
SELARAS DENGAN SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Lim Chee Heng, sebagai pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Berjaya General Insurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 11 hingga 43 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat ikrar ini bersungguh-sungguh dengan sepenuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan selaras dengan peruntukan Akta Pengistiharan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui
oleh penama di atas LIM CHEE HENG
di Kuala Lumpur dalam Wilayah
Persekutuan pada 26 Julai 2006.

Lim Chee Heng

Di hadapan saya

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA ANGGOTA
BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 11 hingga 43. Penyata kewangan ini merupakan tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Ia menjadi tanggungjawab kami untuk membentuk suatu pendapat yang bebas, berdasarkan audit kami, berkenaan penyata kewangan dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang untuk kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit dengan memakai Standard Pengauditan Yang Diluluskan di Malaysia. Standard tersebut menghendaki agar kami merancang dan melaksanakan audit bagi mendapat jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan ini adalah bebas dari salah nyata material. Audit merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Audit juga termasuk menilai dasar perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta menilai keseluruhan pembentangan penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit memberikan asa yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan ini telah disediakan dengan sewajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan menggunakan MASB Standard Perakaunan Yang Diluluskan di Malaysia bagi memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan:
 - (i) kedudukan kewangan Syarikat pada 30 April 2006 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diuruskan dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod perakaunan serta rekod-rekod lain dan buku daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan baik mengikut peruntukan dalam Akta tersebut.

Ernst & Young
AF : 0039
Akauntan Bertauliah

Gloria Goh Ewe Gim
No. 1685/04/07(J)
Rakan Firma

Kuala Lumpur, Malaysia
26 Julai 2006

BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 30 APRIL 2006

ASET	Nota	2006 RM	2005 RM
Harta benda dan peralatan	3	22,761,032	22,762,002
Pelaburan	4	418,472,122	385,482,658
Aset cukai tertunda, bersih	5	3,608,821	3,693,774
Pinjaman	6	52,422	58,523
Belum diterima	7	23,968,792	16,832,649
Baki tunai dan baki bank		7,725,748	5,444,440
		-----	-----
		476,588,937	434,274,046
		=====	=====
LIABILITI			
Peruntukan bagi tuntutan belum jelas	8	192,050,985	164,686,320
Boleh bayar	9	28,915,213	25,642,609
Cukai perlu bayar		3,411,935	9,005,756
		-----	-----
		224,378,133	199,334,685
		-----	-----
Rizab premium tak terperoleh	10	85,805,130	70,469,514
		-----	-----
DANA PEMEGANG SAHAM			
Modal syer	11	118,000,000	118,000,000
Untung tertahan		48,405,674	46,469,847
		-----	-----
		166,405,674	164,469,847
		-----	-----
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM		476,588,937	434,274,046
		-----	-----

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 APRIL 2006

	Nota	Modal Syer RM	Untung Tertahan Boleh Agih RM	Jumlah RM
Pada 1 Mei 2004		100,000,000	47,360,003	143,360,003
Penerbitan syer biasa	11	18,000,000	-	18,000,000
Untung bersih bagi tahun keuangan		-	17,109,844	17,109,844
Dividen	19	-	(18,000,000)	(18,000,000)
		-----	-----	-----
Pada 30 April 2005		118,000,000	46,469,847	164,469,847
		=====	=====	=====
Pada 1 Mei 2005		118,000,000	46,469,847	164,469,847
Untung bersih bagi tahun keuangan		-	26,149,427	26,149,427
Dividen – 2005	19	-	(10,195,200)	(10,195,200)
Dividen – 2006	19	-	(14,018,400)	(14,018,400)
		-----	-----	-----
Pada 30 April 2006		118,000,000	48,405,674	166,405,674
		=====	=====	=====

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 AKHIR 2006

	Nota	2006 RM	2005 RM
Hasil kendalian	12	<u>272,535,993</u>	<u>224,414,725</u>
Dana pemegang saham:			
Pendapatan pelaburan	13	4,147,878	1,256,563
Pendapatan kendalian lain – bersih	14	6,578	3,719,252
		-----	-----
		4,154,456	4,975,815
Lebih dipindahkan daripada Akaun Hasil Insurans Am (Muka Surat 14)		32,679,924	18,843,989
		-----	-----
Untung sebelum pencukaian		36,834,380	23,819,804
Pencukaian	15	(10,684,953)	(6,709,960)
		-----	-----
Untung bersih bagi tahun kewangan		26,149,427	17,109,844
		=====	=====
Perolehan sesyer (sen) – Asas	16	22.2	15.6
		=====	=====

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

62605-U

BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN HASIL INSURANS AM
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 APRIL 2006

Nota	Kebakaran		Motor		Marin, Penerbangan dan transit		Pelbagai		Jumlah	
	2006 RM	2005 RM	2006 RM	2005 RM	2006 RM	2005 RM	2006 RM	2005 RM	2006 RM	2005 RM
Hasil kendalian									<u>268,388,115</u>	<u>223,158,162</u>
Premium kasar	45,201,912	41,381,788	145,370,416	114,720,284	8,637,756	7,397,580	52,963,658	45,963,658	251,546,962	209,463,310
Insurans semula	<u>(23,449,438)</u>	<u>(23,799,261)</u>	<u>(8,045,805)</u>	<u>(7,378,277)</u>	<u>(3,836,180)</u>	<u>(3,361,821)</u>	<u>(11,935,106)</u>	<u>(10,700,392)</u>	<u>(47,266,529)</u>	<u>(45,239,751)</u>
Premium bersih	21,752,474	17,582,527	137,324,611	107,342,007	4,801,576	4,035,759	40,401,772	35,263,266	204,280,433	164,223,559
Pengurangan/(peningkatan) dalam rizab premium tidak terperoleh	<u>(1,093,988)</u>	<u>1,711,988</u>	<u>(11,701,843)</u>	<u>(5,725,715)</u>	<u>(60,897)</u>	<u>(30,833)</u>	<u>(2,478,888)</u>	<u>318,018</u>	<u>(15,335,616)</u>	<u>(3,726,542)</u>
Premium terperoleh	20,658,486	19,294,515	125,622,768	101,616,292	4,740,679	4,004,926	37,922,884	35,581,284	188,944,817	160,497,017
Tuntutan tertanggung bersih	<u>(10,268,604)</u>	<u>(10,021,564)</u>	<u>(94,656,512)</u>	<u>(72,293,311)</u>	<u>(2,462,732)</u>	<u>(1,229,832)</u>	<u>(13,465,699)</u>	<u>(22,214,935)</u>	<u>(120,853,547)</u>	<u>(105,759,642)</u>
Komisyen bersih	<u>(1,874,732)</u>	<u>(693,510)</u>	<u>(14,748,129)</u>	<u>(11,043,424)</u>	<u>(785,062)</u>	<u>(603,538)</u>	<u>(7,065,835)</u>	<u>(6,183,060)</u>	<u>(24,473,758)</u>	<u>(18,523,532)</u>
Lebihan menaja jamin sebelum perbelanjaan pengurusan	<u>8,515,150</u>	<u>8,579,441</u>	<u>16,218,127</u>	<u>18,279,557</u>	<u>1,492,885</u>	<u>2,171,556</u>	<u>17,391,350</u>	<u>7,193,289</u>	43,617,512	36,213,843
Perbelanjaan pengurusan									<u>(33,942,183)</u>	<u>(30,156,728)</u>
Lebihan menaja jaminan									9,675,329	6,057,115
Pendapatan pelaburan									16,841,153	13,694,852
(Perbelanjaan)/Pendapatan kendalian lain – bersih									<u>6,163,442</u>	<u>(907,978)</u>
Lebihan dipindahkan ke Penyata Pendapatan (m/s 13)									<u>32,679,924</u>	<u>18,843,989</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 20 APRIL 2006

	Nota	2006 RM	2005 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN			
Premium tertahan tolak komisen		181,268,172	152,608,129
Tuntutan tolak pemulihan		(97,024,335)	(99,148,953)
Pendapatan faedah		10,324,420	9,172,982
Dividen kasar		9,564,920	5,342,004
Perbelanjaan pengurusan		(31,514,039)	(27,757,818)
Pembelian pelaburan		(104,076,230)	(73,295,842)
Prosid dari jualan pelaburan		43,593,995	59,481,929
Penempatan deposit tetap dan panggilan bersih		31,746,584	(6,446,749)
Pendapatan sewa		633,799	628,208
		-----	-----
Tunai dijana dari kendalian		44,517,286	20,583,890
Cukai pendapatan dibayar		(15,967,154)	(19,067,977)
		-----	-----
Tunai bersih dijana dari aktiviti melabur	20	28,550,132	1,515,913
		-----	-----
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI MELABUR			
Pembelian harta benda dan peralatan		(2,170,524)	(2,393,536)
Prosid dari jualan harta benda dan peralatan		115,300	44,800
		-----	-----
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti melabur	20	(2,055,224)	(2,348,736)
		-----	-----
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Dividen dibayar		(24,213,600)	(18,000,000)
Prosid dari penerbitan syer biasa		-	18,000,000
		-----	-----
Tunai digunakan dalam aktiviti pembiayaan bersih	20	(24,213,600)	-
		-----	-----
PERUBAHAN DALAM BAKI TUNAI DAN BANK BERSIH			
		2,281,308	(832,823)
BAKI TUNAI DAN BANK PADA AWAL TAHUN	20	<u>5,444,440</u>	<u>6,277,263</u>
BAKI TUNAI DAN BANK PADA AKHIR TAHUN	20	<u>7,725,748</u>	<u>5,444,440</u>

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

**BERJAYA GENERAL INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 30 APRIL, 2006

1. MAKLUMAT KORPORAT

Aktiviti utama Syarikat adalah dalam perniagaan penaja jamin insurans am.

Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia. Tempat utama perniagaan Syarikat terletak di: Tingkat 18, Menara BGI, Plaza Berjaya, 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur.

Syarikat pemegang dan syarikat pemegang muktamad bagi Syarikat adalah Berjaya Capital Berhad dan Berjaya Corporation Berhad, kedua-duanya diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Bilangan kakitangan Syarikat pada akhir tahun kewangan adalah seramai 449 (2005:391).

Penyata kewangan telah diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah menurut satu resolusi Para Pengarah pada 26 Julai 2006.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan Akaun

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Garis Panduan/Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) dan menggunakan MASB Standard Perakaunan Yang Diluluskan di Malaysia.

Aset dan liabiliti perniagaan am adalah berkaitan dengan kedua-dua insurans am serta dana pemegang saham.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Keputusan Menaja Jaminan Insurans Am

Keputusan menaja jaminan insurans am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira insurans semula, rizab premium tidak terperoleh, komisen dan tuntutan tertanggung bersih.

(i) Pendapatan Premium

Pendapatan premium bersih dari insurans semula diiktiraf berdasarkan andaian risiko.

Premium insurans semula persediaan alir masuk diiktiraf atas dasar nasihat berkala yang diterima daripada penanggung insurans penyerah.

(ii) Rizab Premium Tidak Terperoleh

Rizab premium tidak terperoleh (“UPR”) mewakili bahagian premium bersih polisi insurans bertulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

Dalam menentukan UPR pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat untuk menggambarkan liabiliti sebenar telah digunakan, iaitu seperti berikut:

- Kaedah 25% bagi kargo marin, kargo penerbangan dan transit
- Kaedah 1/24 untuk semua kelas perniagaan lain (kecuali polisi bukan tahunan) yang dikurangkan mengikut peratusan yang sama bagi komisen kasar perniagaan langsung yang diambil kira, serta perbelanjaan yang berkaitan bagi agensi, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM seperti berikut:

Motor and bon	10%
Kebakaran, kejuruteraan, penerbangan dan badan kapal	15%
Kelas-kelas lain	25%
- Kaedah 1/8 untuk perniagaan triti alir masuk luar negara dengan potongan 20% untuk komisen
- Polisi bukan tahunan dengan jangka masa liputan menjangkau lebih satu tahun, diperuntukkan masanya selama tempoh tanggungan risiko.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Keputusan Menaja Jaminan Insurans Am (Samb.)

(iii) Kos Pemerolehan

Kos pemerolehan dan memperbaharui polisi insurans bersih dari pendapatan diperolehi daripada premium insurans semula penyerah yang diiktiraf sebagai tertanggung dan diperuntukkan sewajarnya mengikut tempoh di mana ia berkemungkinan menghasilkan pendapatan.

(iv) Peruntukan bagi tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan belum jelas diiktiraf berdasarkan kedua-dua insurans langsung dan insurans semula alir masuk. Jumlah tuntutan belum jelas adalah anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang diperlukan berserta dengan perbelanjaan berkaitan ditolak pemulihan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh kunci kira-kira.

Peruntukan turut dibuat bagi kos tuntutan berserta dengan perbelanjaan berkaitan yang tertanggung tetapi tidak dilaporkan (“IBNR”) pada tarikh kunci kira-kira, menggunakan kaedah pengiraan anggaran berdasarkan corak perkembangan tuntutan sebenar.

(c) Harta benda dan Peralatan serta Susut Nilai

Harta benda dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai serta kerugian kerosakan terkumpul. Dasar bagi mengiktiraf dan mengukur kerugian kerosakan adalah selaras dengan Nota 2(d).

Susut nilai diperuntukkan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisanya selama anggaran hayat berguna, mengikut kadar tahunan berikut:

Hartanah pegangan kekal dan pegangan pajak	2%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot, kelengkapan and peralatan pejabat	10%
Kelengkapan komputer	20%

Dengan pelupusan sesuatu harta dan kelengkapan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawanya dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan/akaun hasil.

(d) Kerosakan Aset

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat mengkaji semula amaun dibawa bagi asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda kerosakan. Jika wujud sebarang tanda yang sedemikian, kerosakan diukur dengan membandingkan nilai dibawa bagi aset tersebut dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi dari harga jualan bersih dan nilai gunaan, yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa depan terdiskaun.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Kerosakan Aset (Samb.)

Kerugian kerosakan dikenal pasti sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan/akaun hasil dengan serta-merta. Penarikan balik kerugian kerosakan yang dikenal pasti dalam tahun-tahun terdahulu telah direkodkan apabila terdapat tanda bahawa kerugian yang diiktiraf aset tersebut tidak lagi wujud atau telah berkurangan.

(e) Faedah Pekerja

(i) Faedah Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial dikenal pasti sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Syarikat. Ketakhadiran pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang mana ia meningkatkan hak mereka kepada baki terimbuh masa depan, dan ketakhadiran terimbuh bukan terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketakhadiran berlaku.

(ii) Pelan Caruman Wajib

Sepertimana diwajibkan oleh undang-undang, Syarikat membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan/akaun hasil sepertimana ditanggung.

(f) Pengiktirafan Hasil yang lain

Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan faedah-faedah ekonomi yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada syarikat dan jumlah hasil boleh diukur secara andal.

(i) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan perkadaran masa yang mengambil kira kadar hasil efektif aset.

(ii) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf atas dasar pengisytiharan apabila hak untuk menerima bayaran ditetapkan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(f) Pengiktirafan Hasil yang lain (Samb.)

(iii) Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan selaras dengan syarat-syarat perjanjian yang relevan kecuali di mana kemungkinan membayar sewa telahpun berlaku dan sewa belum bayar masih belum dijelaskan selama lebih enam bulan, di mana dalam keadaan ini pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas penggantungan, sewa diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga semua tunggakan dibayar.

(g) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan perlu dibayar dijangka berhubung dengan keuntungan boleh dicukai bagi tahun tersebut dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, bagi perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira di antara asas cukai aset dan liabiliti serta amaun yang dibawanya dalam penyata kewangan. Secara dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan yang boleh dipotong sehingga setakat di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan diperolehi untuk memanfaatkan kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dikenakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh kunci kira-kira. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil, kecuali jika ia timbul dari urus niaga yang diiktiraf terus dalam ekuiti, di mana dalam keadaan ini cukai tertunda tersebut turut dicaj atau dikreditkan terus dalam ekuiti.

(h) Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar semasa pada tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, butiran monetari mata wang asing diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa pada tarikh tersebut. Semua perbezaan kadar pertukaran dimasukkan ke dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(i) Syarikat Berkaitan

Syarikat berkaitan merujuk kepada syarikat yang mempunyai kaitan dengan Berjaya Corporation Berhad.

(j) Tunai and Kesetaraan Tunai

